

**Presiden Gerakan mahu Putrajaya bentuk panel hubungan kaum**  
**The Malaysian Insider**  
**16 Oktober , 2011**  
**Oleh Yow Hong Chieh**

KUALA LUMPUR, 16 Okt — Presiden Gerakan Tan Sri Koh Tsu Koon mengesyorkan agar diadakan Suruhanjaya Harmoni dan Hubungan Kaum untuk menangani isu-isu agama dan kaum yang besar selain melindungi hak-hak berperlembagaan negara ini.

Dalam ucapan dasar pada Persidangan Perwakilan Nasional Ke-40 di sini hari ini, Koh berkata sementara beliau mengalu-alukan undang-undang menangani keganasan dan kumpulan pelampau bagi menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), ada keperluan untuk mengadakan panel bagi mendefinisikan batasan wacana yang boleh diterima.

“Kita harus menyediakan definisi yang jelas dan konsisten mengenai keganasan dan pelampau, yang berbeza daripada idea dan ideologi... supaya tiada ruang untuk salah guna dan kekeliruan,” kata Menteri (gambar kiri) di Jabatan Perdana Menteri ini.

Koh yang juga menteri berkaitan dengan perpaduan kebangsaan menggesa Malaysia menerima pakai konvensyen antarabangsa mengenai hak-hak politik dan sivil agar ia selari dengan konsep 1 Malaysia.

“Malaysia perlu bergerak ke depan, untuk menjadi negara demokrasi yang keterhadapan di dunia,” kata beliau.

Putrajaya seharusnya mempertingkatkan kuasa Suhakam agar ia boleh memainkan peranan sebagai ombudsman, untuk mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang melanggar hak asasi manusia.

Koh menambah kerajaan seharusnya mempertingkatkan usaha untuk mengatasi rasuah bagi mengikis tanggapan orang ramai mengenai keikhlasan pihak pemerintah dalam aspek itu.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/presiden-gerakan-mahu-putrajaya-bentuk-panel-hubungan-kaum/>